

***NEW CLUB* DAN KEGIATAN SUKAN DI TAIPING PERAK, 1894-1957**

Norizan Kadir*

Abstrak

Kemajuan bandar Taiping khususnya melalui industri bijih Timah di Larut telah menjadikan bandar tersebut semakin berkembang dengan kewujudan pelbagai kemudahan dan fungsi penting sehingga menjadikan ia sebagai ibu kota Perak. Keadaan ini bukan sahaja telah mendorong kepada pembentukan pelbagai organisasi pentadbiran tetapi juga menjadi pusat sosial dan rekreasi. Kehadiran kolonial British turut membawa bersama-sama cara hidup mereka yang mementingkan aktiviti sukan dan galakan ke arah mewujudkan sistem serta peraturan dalam pertandingan sukan. Minat dan kecenderungan pegawai kolonial British dan komuniti Eropah dalam kegiatan sukan telah mendorong mereka menubuhkan pelbagai kelab sosial dan sukan termasuklah *New Club Taiping*. Meskipun penubuhan *New Club* dan kelab-kelab sukan yang lain kurang menarik penyertaan masyarakat tempatan, namun penubuhan pelbagai kelab sukan tersebut telah menjadi pendorong dan perintis kepada perkembangan kegiatan sukan di Perak, khususnya di Taiping. Kegiatan sukan semakin berkembang hingga ke peringkat sekolah-sekolah menerusi penganjuran pertandingan sukan sama ada di peringkat sekolah, daerah dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kehadiran askar-askar Sepoi dari India yang mahir dalam sukan seperti hoki dan kriket telah menggalakkan lagi perkembangan sukan di Taiping menerusi tunjuk ajar yang diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai penubuhan *New Club* serta perkembangan sukan di Taiping. Kajian ini menggunakan pelbagai jenis sumber primer dan sekunder seperti artikel akhbar, laporan, buku dan makalah.

Kata Kunci: *New Club Taiping*, sukan, kelab sosial.

Pengenalan

Kewujudan Taiping atau nama awalnya Klian Pauh sebagai pusat perlombongan bijih timah utama dan pembinaan laluan kereta api terawal antara Taiping ke Port Weld pada tahun 1885 telah menarik perhatian ramai pegawai kolonial British dan orang Eropah untuk tinggal di

* Dr. Norizan Kadir ialah pensyarah kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel: norizan.kadir@usm.my.

bandar tersebut. Seiring dengan pembangunan dan perkembangan ekonomi di Taiping, maka lebih banyak kemudahan dan pusat-pusat sosial dan ekonomi yang pertama kali ditubuhkan di Taiping sehingga ia disebut sebagai bandar “*Taiping’s Many Firsts*”.

Kehadiran mereka turut disertai dengan idea penubuhan kelab-kelab sukan bagi memenuhi gaya hidup mereka seperti yang sudah biasa dibudayakan di Eropah. Penubuhan kelab-kelab di Tanah Melayu mula menjadi perhatian sejak penjajahan British yang menggalakkan kegiatan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat setempat khususnya yang melibatkan pegawai-pegawai kolonial British sendiri. Justeru, sepanjang tempoh penjajahan British di Perak, terdapat pelbagai jenis kelab telah ditubuhkan dengan pelbagai matlamat dan objektif. Namun, daripada kesemua kelab yang ada, kaum Eropah mempunyai persatuan-persatuan yang paling tinggi martabatnya dengan sebahagian kelab atau persatuan itu tidak dibuka keanggotaannya kepada kaum bukan Eropah seperti *Perak Club* yang ditubuhkan pada tahun 1880.¹ *Perak Club* menjadi kelab terawal yang ditubuhkan di Tanah Melayu dan diikuti oleh kelab-kelab sosial dan sukan yang lain seperti *New Club*, *Royal Selangor Club*, *Royal Ipoh Club*, *Taiping Swimming Club* (1914) dan lain-lain. *Perak Ladies’ Rifles Association* misalnya ditubuhkan pada tahun 1903 oleh isteri-isteri pegawai kolonial British bertujuan untuk memenuhi gaya hidup mereka dalam kegiatan sukan dan rekreasi. Penubuhan pelbagai jenis kelab ini turut direkodkan oleh Cuthbert Woodville Harrison ketika melawat Taiping. Menurut Harrison:

*The social centre of the English quarter of a town in Malaya is always the recreation ground and the club overlooking it. It is difficult to think of any town or even village which does not possess its club. In Taiping there are two clubs, The Perak Club on the west and the New Club on the east of the recreation ground. Anyone bringing introductions will find no difficulty in being received as a visiting member by any local club.*²

Penubuhan *Perak Club* sebagai institusi sukan dan sosial terkemuka kemudiannya telah diatasi oleh *New Club* yang merupakan kelab baru dengan fokus yang sama iaitu untuk menggalakkan kegiatan sukan dan sosial antara ahli kelab. *New Club* yang ditubuhkan pada tahun 1894 merupakan kelab ke-12 tertua di Malaysia yang masih bertahan sehingga ke hari ini. *New Club* berada di lokasi yang strategik di Taiping, iaitu di pintu masuk Taman Tasik Taiping dengan berlatarkan Bukit Larut Taiping. *New Club* merupakan kelab rekreasi yang menyediakan pelbagai kemudahan berkaitan kegiatan sukan khususnya sukan golf, kriket dan bola sepak.

Kewujudan *New Club* juga tidak terlepas daripada polisi-polisi kapitalisme British yang sentiasa mengutamakan kepentingan pegawai-pegawai kolonial termasuklah dalam hal penubuhan *New Club* iaitu hanya dikhususkan kepada pegawai kelas atasan dan para

1 Khoo Kay Kim, “Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping”, *Seminar Sejarah Larut, Matang dan Selama ke Arah ‘Taiping Bandar Bersejarah’*, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Larut Matang dan Selama dengan kerjasama Pejabat Orang Besar Jajahan, Larut, Matang dan Selama, Taiping, 19-20 November 1990, hlm. 10.

2 Cuthbert Woodville Harrison (Ed.), *The Illustrated Guide to the Federated Malay States*, London: The Malay States Information Agency, 1911, hlm. 45.

pengusaha lombong yang kaya sahaja. Ia juga menjadi tempat tumpuan pegawai-pegawai kolonial British seperti R. S. F. Walker dan Frank Swettenham. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan penubuhan dan perkembangan kelab-kelab sukan khususnya *New Club* di Taiping, Perak serta perkembangan kegiatan sukan di Taiping ekoran daripada kepesatan penubuhan kelab-kelab tersebut.

Sukan dan Gaya Hidup Pegawai Kolonial British

Berbanding masyarakat Melayu zaman tradisional yang melihat aktiviti sukan rakyat dan permainan sebagai satu bentuk aktiviti riadah atau hiburan yang lebih bertujuan untuk mengisi masa lapang dan bagi mengeratkan hubungan persahabatan antara penduduk kampung,³ masyarakat Eropah khususnya sebahagian pegawai-pegawai kolonial British yang berkhidmat di Tanah Melayu menganggap kegiatan sukan sebagai satu bentuk kemahiran yang bukan sahaja bermanfaat untuk kesihatan tetapi juga memiliki nilai komersial yang boleh menjana sumber pendapatan. Justeru, pelbagai jenis sukan telah dipertandingkan di pelbagai peringkat sehingga seseorang individu yang memiliki bakat dalam sukan tertentu berupaya menjadikan kegiatan sukan tersebut sebagai satu bentuk pekerjaan atau kerjaya.

Pengukuhan kepada organisasi sukan mula berlaku pada penghujung abad ke-19 apabila istilah sukan mula didefinisikan dalam erti kata yang moden iaitu “*an activity involving physical exertion and skill, regulated by rules or customs in which an individual or team competes against another.*”⁴ Konsep sukan pada zaman moden ini berbeza dengan zaman pertengahan dan Yunani Kuno kerana masyarakat moden lebih mementingkan kuantiti dan rekod (menang atau kalah) berbanding aspek ritual.⁵ Dalam sejarah dan perkembangan sukan di Barat, ia turut diwarnai dengan fahaman perkauman, pengukuhan kelas atasan dan peminggiran golongan tertentu seperti kaum wanita.⁶ Sukan seperti besbol, hoki, bola keranjang dan bola sepak mula dimainkan pada abad ke-19. *Etos* persaingan dalam perkembangan empayar kolonial British di serata dunia seperti Afrika, Asia, Utara dan Selatan Amerika yang berasaskan kepada sistem perindustrian dan ekonomi kapitalis telah mewujudkan semangat persaingan (bertanding) dalam aktiviti sukan seperti kriket, hoki, ragbi, bola sepak dan sebagainya.⁷ Di Barat, kegiatan sukan telah diinstitusikan dalam pelbagai perkara termasuklah dari segi peraturan sukan, peraturan pertandingan dan kewujudan institusi kelab sukan. Bukan semua sukan yang diperkenalkan di England itu berasal daripada idea penduduk negeri tersebut,

3 Lihat juga tulisan Wan Abdul Kadir Wan Yusof, “Pertumbuhan Budaya Popular Masyarakat Melayu Bandaran Sebelum Perang Dunia Kedua” dalam Mohd Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff, (peny.), *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

4 John Zilcosky, “Introduction: The Allure of Sports” dalam John Zilcosky dan Marlo A. Burks, *The Allure of Sports in Western Culture*, Toronto: University of Toronto Press, 2019, hlm. 6.

5 hlm. 6-7. Lihat juga Allen Guttmann, *From Ritual to Record: The Nature of Modern Sports*, New York: Columbia University Press, 1978, hlm. 16–55; Richard Mandell, *Sport: A Cultural History*, New York: Columbia University Press, 1984.

6 Eric Anderson, *Sport, Theory and Social Problems: A Critical Introduction*, New York: Routledge, 2010. Lihat juga John Bloom dan Michael Nevin Willard (Eds.), *Sports Matters: Race, Recreation and Culture*, New York: New York University Press, 2002.

7 Robert Crego, *Sports and Games of the 18th and 19th Centuries*, Westport, Connecticut: Greenwood Press, 2003, hlm. 1-2.

namun sebahagiannya berasal dari negeri-negeri jajahannya dan dimainkan oleh rakyat biasa sebelum ia diformalkan dan dipopularkan oleh rakyat British seperti sukan Polo yang berasal dari India.

Impak dan pengaruh sukan di England pada abad ke-18 dan 19 bukan sahaja berkembang di Eropah dan Utara Amerika⁸ tetapi juga di tanah-tanah jajahannya di Asia seperti di Tanah Melayu. Kehadiran ejen-ejen dan pegawai British di tanah jajahannya tidak hanya terlibat dalam kegiatan perdagangan, perusahaan, ketenteraan dan mubaligh, namun dalam masa yang sama turut menyebarkan gaya hidup British termasuklah dalam aktiviti sukan dan permainan. Perkara ini turut dijelaskan oleh Robert Crego:

*Though much of England's activity abroad was connected to business and government, the thousands of imperial agents involved in these activities (businessmen, engineers, soldiers, merchant mariners, missionaries, etc.) were at the same time spreading the British way of life around the globe. Naturally, this way of life included sports and games.*⁹

Menerusi kolonialisme British di Tanah Melayu, pelbagai jenis sukan diperkenalkan kepada penduduk tempatan dan dalam masa yang sama, secara beransur-ansur turut menenggelamkan dan menghapuskan beberapa tradisi sukan tempatan. Keadaan bentuk muka bumi dan tanah lapang yang luas menjadi tarikan kepada pegawai-pegawai kolonial British dan orang Eropah untuk aktif dalam kegiatan sukan di masa lapang mereka. Purata hujan yang tinggi di Tanah Melayu secara tidak langsung telah memanjangkan jangka hayat padang tersebut meskipun ia digunakan secara kerap sepanjang tahun seperti mana yang dicatatkan oleh Philip C. Coote dalam tulisannya "*Peeps at Many Lands: The Malay States*".¹⁰

Sejarah *New Club Taiping* dan Kegiatan Sukan

Taiping merupakan bandar terawal di Perak yang terkenal dengan industri perlombongan bijih timah khususnya pada penghujung abad ke-19.¹¹ Aktiviti perlombongan semakin menyerlah di Daerah Larut ketika di bawah pentadbiran Menteri Ngah Ibrahim (1840-1895). Taiping juga pernah menjadi pusat pentadbiran negeri Perak. Perpindahan ke Taiping sebenarnya sesuai dengan dasar British yang mula dirancang dengan lebih teliti mulai tahun 1880 apabila Sir Frederick Weld dilantik sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat.¹² Kekayaan bandar Taiping

8 *Ibid.*, hlm. 2.

9 *Ibid.*

10 Coote juga mengaitkan budaya masyarakat tempatan yang gemar bermain (di padang) dalam keadaan berkaki ayam turut menyumbang kepada ketahanan padang tersebut daripada cepat rosak. Philip C. Coote, *Peeps at Many Lands: The Malay States*, London: A & C Black, Ltd., 1923, hlm. 16.

11 Bandar Taiping sebelumnya dikenali sebagai Kelian Pauh (bandar kedamaian atau keamanan yang berkekalan). Ia dipanggil dengan nama "*Thai-Ping*" oleh orang-orang Cina tempatan. Norizan Kadir, "Sejarah, Kesan dan Kepentingan Laluan Kereta Api Taiping ke Port Weld, 1882 hingga 2010", Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Tanjong Malim: Jabatan Sejarah dan Arkeologi, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012, hlm. 19.

dengan khazanah alam semula jadi telah menjadi pemangkin kepada kerancakan aktiviti dan kegiatan ekonomi oleh penduduk Taiping khususnya kolonial British. Oleh itu, banyak perubahan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak British buat pertama kalinya di Tanah Melayu telah dibina di bandar Taiping termasuklah pembinaan laluan kereta api pertama di Tanah Melayu yang menghubungkan laluan Taiping ke Port Weld (1882),¹³ Maktab Perguruan Matang (1913-1922),¹⁴ Muzium Perak, Penjara Taiping, Sekolah King Edward VII (sekolah lelaki tertua) dan banyak lagi.¹⁵

Seiring dengan perkembangan tersebut, pihak British turut memberikan perhatian terhadap kegiatan sukan dan rekreasi di Taiping terutamanya bagi memenuhi gaya hidup mereka yang turut mementingkan aktiviti sukan. Hal ini termasuklah menubuhkan kelab-kelab dan persatuan sukan di Taiping. Sebelum penubuhan *New Club* pada tahun 1894, aktiviti dan perkembangan sukan di Perak banyak dimainkan oleh *Perak Club* yang aktif dalam pelbagai jenis sukan seperti tenis, bola sepak, kriket dan hoki. *Perak Club* merupakan kelab terawal ditubuhkan di Tanah Melayu iaitu pada tahun 1885. Ia menjadi pusat sosial dan sukan yang berprestij sekitar tahun 1880-an. Ia dilengkapi dengan kemudahan seperti padang sukan kriket dan bilik biliard. Pembinaan bangunan kelab ini sebahagiannya dibiayai oleh dana kerajaan Perak dan dibuka secara eksklusif kepada komuniti Eropah.¹⁶ Kelab ini bukan sahaja aktif dalam kegiatan sukan di dalam daerah atau kawasan setempat, tetapi turut terkenal di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang lain selain turut menganjurkan buat pertama kalinya perlawanan antara negeri di Tanah Melayu.

12 Nordin Hussin, "Larut Matang dan Selama Suatu Sorotan Sejarah", *Seminar Sejarah Larut, Matang dan Selama ke Arah 'Taiping Bandar Bersejarah'*, Taiping: Muzium Taiping, 1990, hlm. 8.

13 Laluan kereta api Taiping ke Port Weld merupakan jalan kereta api yang bermula dari Taiping atau Kelian Pauh (Bandar Kedamaian) hingga ke pelabuhan Port Weld. Laluan pertama ini juga dikenali sebagai Landasan Larut. Proses pembinaan laluan kereta api tersebut telah memakan masa selama empat tahun lebih bermula pada tahun 1882 dan dimulakan perkhidmatannya pada 1 Jun 1885. Laluan kereta api pertama di Tanah Melayu tersebut telah dibina dalam jarak sejauh lapan batu (12.8 kilometer) dengan tempoh masa perjalanan memakan masa selama 40 minit. Lihat Norizan Kadir, "Sejarah, Kesan dan Kepentingan Laluan Kereta Api Taiping ke Port Weld, 1882 hingga 2010", hlm. 29-30 & 36.

14 Maktab Perguruan Matang ditubuhkan untuk melatih guru-guru yang kebanyakannya datang dari negeri Perak. Antara guru yang pernah berkhidmat di maktab itu ialah Muhammad Bin Dato Muda Linggi iaitu bapa saudara kepada Za'ba. Sila rujuk Khoo Kay Kim, "Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping", hlm. 30-31.

15 *Taiping's Many Firsts Report*, Taiping: Taiping Municipal Council, 2010.

16 Bangunan kelab tersebut telah musnah dalam kebakaran pada 31 Januari 1947. Pada hari ini ia menjadi lokasi Majlis Perbandaran Taiping (MPT). Ibid., hlm. 151.

Gambar 1: Bangunan *New Club* Taiping

Sumber: Laporan Seminar Sejarah Larut, Matang dan Selama: Ke Arah ‘Taiping Bandar Bersejarah’, 19-20 November 1990.

Penubuhan *New Club* bukan merupakan satu idea atau cadangan yang tersendiri namun penubuhannya berpunca daripada krisis yang berlaku antara ahli-ahli *Perak Club* yang tidak berpuas hati dengan penerimaan Serani dan pegawai-pegawai tentera (Eropah) sebagai ahli.¹⁷ Selepas penubuhan *Perak Club* dan *New Club*, terdapat banyak lagi kelab sukan dan kegiatan sosial lain yang ditubuhkan di Taiping termasuklah *Perak Turf Club*, *Taiping Recreation Club*, *Larut Peranakan Club* dan *Perak Ladies' Rifles Association*. Ketika di zaman pendudukan Jepun, kelab-kelab sukan tersebut telah beroperasi semula seperti biasa sejak Julai 1942. Pelbagai kelab sukan dibuka di Taiping, Ipoh, Teluk Anson, Sitiawan kepada pelbagai kewarganegaraan.¹⁸ Di bawah penganjuran *Nisihara Butai*, pertandingan bola sepak telah dilaksanakan di Perak yang melibatkan tujuh pasukan kesemuanya termasuklah penyertaan daripada kaum Melayu, Cina dan India.¹⁹ Pihak Jepun dikatakan turut memberikan galakan kepada kegiatan sukan di Perak termasuklah mempromosikan sukan besbol yang menjadi sukan kegemaran tentera Jepun.²⁰ Sukan tersebut semakin mendapat perhatian dalam kalangan penduduk tempatan khususnya menerusi penganjuran pertandingan sukan tersebut oleh pihak Jepun.²¹

17 Khoo Kay Kim, “Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping”, hlm. 10.

18 *Syonan Shimbun*, “Sporting Life of Perak Back to Normal”, 9 Julai 1942, hlm. 3.

19 *Ibid.*

20 *Syonan Shimbun*, “Sports”, 2 Oktober 1942, hlm. 4.

21 Ahli-ahli sukan di Dinding dan tentera Jepun telah mengadakan perlawanan besbol yang melibatkan penyertaan daripada ramai penduduk. Lihat *Syonan Shimbun*, “Sports”, 13 September 1942, hlm. 4.

Gambar 2: Pasukan Kriket Perak, 1895



Sumber:<http://home-and-garden.webshots.com/photo/2373375000055615433aMpSOB>
(Public Domain)

Kewujudan *Perak Club* sebagai pusat sosial golongan kolonial di Taiping dapat digambarkan menerusi keahlian ahli-ahli *New Club* terdiri daripada pegawai pentadbir dan pegawai kolonial. Berikutan daripada sikap berat sebelah pentadbiran *Perak Club* yang membuka keahlian kepada golongan kolonial dan pegawai kelas atasan sahaja, maka beberapa orang ahli 'senior' *Perak Club* telah bertindak meletakkan jawatan dan membentuk kelab baharu yang dinamakan sebagai "*New Club*" pada tahun 1892.²² Walaupun idea penubuhan *New Club* sudah muncul sejak tahun 1892 namun kelab tersebut tidak memiliki bangunan dan tanah sendiri untuk menjalankan aktiviti sukan. *New Club* hanya memiliki bangunan sendiri dua tahun kemudian.

Keahlian kelab baharu ini adalah lebih terbuka berbanding keahlian dalam *Perak Club* yang membuka keahlian kepada pelbagai golongan termasuklah pegawai kerajaan, ahli perniagaan, pedagang dan pengusaha lombong namun masih terhad kepada golongan kelas atasan dan komuniti Eropah. Hubungan yang baik antara ahli-ahli kelab yang berpengaruh dengan pemerintah negeri menjadi salah satu faktor Sultan Perak, Sultan Idris Shah berkenan untuk memberikan sebidang tanah kepada *New Club* bagi menjalankan aktiviti dan kegiatan sukan mereka. Meskipun, pemberian tanah kurnia tersebut bersifat berkekalan (*in perpetuity*), namun pemerintah Perak menetapkan syarat bahawa pihak pentadbiran *New Club* mestilah mengekalkan nama "*New Club*" tersebut jika ingin terus mengekalkan pemilikan tanah tersebut. Jika nama tersebut ditukar, maka pemilikan ke atas tanah tersebut akan diambil semula oleh kerajaan negeri.²³

Bangunan awal *New Club* telah direka oleh G. A. Lefroy pada tahun 1893 dengan kos sebanyak \$10,000 dan dibuka pada tahun berikutnya. Sehingga tahun 1920-an, terdapat beberapa kemudahan sukan disediakan di bangunan *New Club* seperti padang golf, padang

22 *New Club Taiping 1892: A Preliminary Dilapidation Report and Concept Proposals.*

23 *Ibid.*

tenis, bilik sukan kiu (*billiard*). Pada tahun 1907, *New Club* menerima 270 orang ahli yang terdiri daripada orang British sendiri termasuklah pegawai-pegawai kerajaan, pengusaha lombong dan peladang.²⁴ Meskipun pegawai-pegawai kerajaan dari negara lain dibenarkan untuk menggunakan kemudahan sukan tertentu yang disediakan oleh kelab tersebut, namun mereka masih dihalang daripada menggunakan keseluruhan kemudahan yang ada di kelab tersebut.

Kebanyakan kejayaan-kejayaan awal *New Club* disumbangkan secara langsung oleh Mr. Tate yang merupakan setiausaha kelab hingga tahun 1903.²⁵ Antara kemudahan sukan yang penting di *New Club* ialah padang golf. Padang Golf *New Club* merupakan padang golf pertama di Negeri-Negeri Melayu dan kedua di Asia Tenggara.²⁶ Padang golf tersebut sudah wujud lebih awal lagi iaitu pada tahun 1886 yakni sebelum penubuhan *New Club*. Selepas *New Club* ditubuhkan pada tahun 1894, ia mula menjadi pemilik baru kepada padang golf tersebut yang sebelumnya dimiliki oleh *Perak Golf Club*.²⁷ *New Club* bukan sahaja mengambil alih padang golf *Perak Club* tetapi juga turut mengambil alih *Taiping Swimming Club* pada tahun 1945 sekaligus memberikan satu lagi kemudahan sukan kepada ahli-ahli kelab tersebut.²⁸ Kawasan kolam renang *Taiping Swimming Club* pada awalnya merupakan sebahagian daripada hutan simpan. Pihak kelab kemudiannya mendapat lesen pajakan daripada kerajaan Perak selama 21 tahun iaitu bermula pada tahun 1924.²⁹

Gambar 3: Padang Golf di Taiping



Sumber: Cuthbert Woodville Harrison (Ed.), *The Illustrated Guide to the Federated Malay States*, 1911.

Selain itu, aktiviti sukan dalam *New Club* menjadi semakin meriah menerusi penubuhan *New Club Rovers* pada tahun 1897. Penubuhan kelab basikal ini merupakan satu

24 *Ibid.*

25 *Ibid.*, hlm. 9.

26 *The New Club Taiping*, https://www.taiping.my/places/taiping/attractions/the-new-club-taiping/#post_content, diakses pada 10 Oktober 2022.

27 *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 148.

28 *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 152.

29 Ia mula dibuka secara rasmi pada 11 November 1917. Lihat *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 152.

usaha untuk memeriahkan lagi kegiatan sukan di *New Club* yang sebelum itu lebih tertumpu dan terhad kepada sukan golf sahaja. Justeru ahli *New Club* mencadangkan aktiviti sukan tambahan seperti sukan berbasikal. Ahli jawatankuasa kelab tersebut ialah sekretariat *New Club* sendiri termasuklah Mesdames Douglas Reeve, Tucker, Messrs. Vane (setiausaha) dan R. G. Watson.³⁰ Ia juga menjadi kelab basikal pertama yang ditubuhkan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Selepas Perang Dunia Kedua, *New Club* telah beroperasi semula pada 20 November 1945 di bawah pengurusan Jawatankuasa *Indian Division Gymkhana Club* dengan G. N. Wood, CBE, DSO sebagai Presiden *New Club* yang baru.³¹ Menjelang tahun 1990-an, *New Club* telah berhadapan dengan krisis baharu dan kali ini ia membabitkan krisis luaran apabila kelab golf baru telah ditubuhkan pada tahun 1990-an iaitu *Bukit Jana Golf Club* di Kamunting. Penubuhan padang golf baru ini telah menimbulkan persoalan tentang keperluan memiliki dua padang golf yang berhampiran antara satu sama lain. Perkara ini telah dipersoalkan oleh pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang kemudiannya telah mengarahkan supaya tanah padang golf *New Club* tersebut diambil semula oleh kerajaan negeri.³²

Berikutan daripada pengambilalihan padang golf *New Club* oleh kerajaan negeri tersebut, *New Club* mula mengalami zaman kemerosotannya terutamanya apabila 54% (580 orang) daripada ahlinya pada tahun 1990 berdaftar sebagai pemain golf.³³ Keadaan ini ditambah pula dengan pertandingan lumba kuda yang sebelum itu sering berlangsung di Taiping kemudiannya telah berpindah ke Ipoh sebagai ibu negeri Perak yang baru.³⁴ Usaha ke arah mengembalikan semula zaman kegemilangan *New Club* diteruskan dengan pembinaan kemudahan sukan yang lain seperti gelanggang skuasy pada tahun 1989 dan kolam renang pada tahun 1991, namun masalah kekurangan penyelenggaraan telah menyebabkan fungsi dan kemudahan sukan tersebut kurang mendapat perhatian oleh penduduk setempat.

Perkembangan Sukan di Taiping

Aktiviti sukan bukan satu perkara yang asing dalam masyarakat Melayu tradisional. Pengenalan sukan-sukan moden dari negara-negara kolonial tidak bermakna orang Melayu tidak memiliki aktiviti sukan mereka sendiri. Sebelum kehadiran penjajah British di Tanah Melayu lagi, orang Melayu sudah terlibat pelbagai jenis sukan dan permainan sama ada permainan dalaman (*indoor*) seperti main pacheh,³⁵ main tapak empat,³⁶ congkak, atau sukan luaran (*outdoor*) seperti sepak raga, laga kerbau, permainan gasing dan seni mempertahankan

30 Nama "*Rover*" diambil bersempena dengan satu jenama basikal yang popular pada ketika itu. Rujuk *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 153.

31 Kelab *Gymkhana India* ialah sebuah kelab sosial yang ditubuhkan oleh pegawai kerajaan dan pekerja British Raj di India pada tahun 1916.

32 *New Club Taiping 1892: A Preliminary Dilapidation Report and Concept Proposals*, hlm. 10.

33 *ibid.*

34 *Syonan Shimibun*, "Sporting Life of Perak Back to Normal, 9 Julai 1942, hlm. 3.

35 Main pacheh ini popular dalam kalangan masyarakat Melayu di Pulau Pinang. Permainan tersebut menggunakan sekeping papan yang melibatkan 2 hingga 4 orang pemain.

36 Penjelasan mengenai permainan ini ditulis oleh O. T. Dussek dalam artikelnya "*Notes on Malay Indoor Games*". Rujuk *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Royal Asiatic Society, Malayan Branch, 1919, hlm. 69-71.

diri seperti silat.³⁷ Demikian juga dengan permainan dan sukan dalaman (*indoor*). Pelbagai jenis permainan yang menjadi kegemaran masyarakat Melayu sebelum kedatangan British lagi.

Penubuhan kelab-kelab sukan di Taiping telah mendorong dan menggalakkan lagi kegiatan sukan di Taiping. Bermula dari penubuhan *Perak Club* dan kemudiannya *New Club*, banyak lagi kelab-kelab sukan ditubuhkan di Taiping khususnya, dan Perak umumnya. Antaranya termasuklah *New Club Rovers*, *Perak Golf Course*, *Taiping Swimming Club*, *Gymkhana Club*, *Perak Turf Club*, *Chinese Recreation Club*, *Bukit Jana Golf Club*.³⁸ Perkembangan sukan di Taiping juga banyak dipengaruhi oleh peranan pegawai-pegawai kolonial yang berminat dengan aktiviti sukan. Sebahagian daripada mereka adalah sangat berkebolehan dan aktif dalam kegiatan sukan. Antaranya termasuklah Frank Swettenham, E. W. Birch dan Lt. Kol. R. S. F. Walker yang bukan sahaja menyokong kegiatan sukan tetapi juga pemain kriket yang handal.³⁹ Pegawai-pegawai British yang tiba di Taiping dan menggemari kegiatan sukan biasanya akan mengambil kesempatan untuk terlibat dalam mana-mana perlawanan yang diadakan di Taiping. Frank Swettenham dan Mr. Birch misalnya turut menyertai perlawanan kriket yang diadakan ketika berada di Perak.⁴⁰

Pada peringkat awal, aktiviti sukan seperti bola sepak, hoki, ragbi, tenis, kriket dan golf hanya melibatkan pentadbir dan pegawai kolonial British sebagai satu bentuk hobi dan kegiatan untuk mengisi masa lapang mereka sahaja. Justeru, pelbagai jenis kemudahan telah disediakan oleh pihak kolonial British untuk kegunaan pegawai-pegawai British serta ahli keluarga mereka. Antara pegawai kolonial British yang memainkan peranan instrumental dalam mengembangkan kegiatan sukan di Perak ialah Kol. R. S. F. Walker. Walker sememangnya sudah aktif dalam kegiatan sukan sejak beliau menuntut di *Royal Military College*, Sandhurst lagi dan pernah menjadi kapten pasukan kriket. Beliau yang sangat berminat dengan sukan kriket telah memperkenalkan sukan tersebut di Perak dan menghadiahkan piala pusingan untuk dipertandingkan oleh pasukan-pasukan seperti *Taiping Recreation Club*, Sekolah King Edward dan pasukan-pasukan dari Kuala Kangsar, Ipoh, Batu Gajah dan Telok Anson.⁴¹ Secara berperingkat, aktiviti sukan tersebut kemudiannya semakin berkembang dan mula disertai oleh penduduk tempatan apabila ia diperkenalkan di sekolah-sekolah serta melalui penyertaan penduduk tempatan dalam beberapa kelab sosial atau sukan di Taiping. Dalam majlis hari

37 Untuk penjelasan lanjut mengenai sejarah dan perkembangan seni silat Melayu, sila rujuk Abd. Rahman Ismail, *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

38 Lihat juga Arnold Wright dan H. A. Cartwright (eds.), *Twentieth Century Impressions of British Malaya: Its History, People, Commerce, Industries and Resources*, Lloyd's Greater Britain Publishing Co. Ltd, 1908.

39 Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm. 108.

40 *Straits Times Weekly Issue*, "Perak", 20 Disember 1892, hlm. 4.

41 Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 108. Lihat juga *Straits Budget*, "Hits 129 in Taiping Game", 24 Julai 1947, hlm. 18; Arnold Wright, *Twentieth Century Impressions of British Malaya: Its History, People, Commerce, Industries, and Resources*, hlm. 580–581. Selain memperkenalkan sukan kriket, Walker turut memperkenalkan sukan bola sepak di Perak. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkembangan bola sepak di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu sila rujuk Lim Peng Han dan Mohd Salleh Aman, "The Diffusion and Transmission of Football in the Straits Settlements and Malay States, 1874–1899: Early Inter-Settlement Games and Inter-State Competition Among European Clubs and Teams", *The International Journal of the History of Sport*, 2018, Vol. 35, Isu 12-13, hlm. 1335-1355.

sukan sekolah yang dirasmikan oleh pegawai dan mubaligh British, ia turut disertai dengan ucapan yang menggalakkan kesetiaan kepada Ratu England dan kerajaan British.⁴²

Liga pertandingan sukan semakin berkembang dan diadakan di banyak daerah. Sukan-sukan tertentu seperti tenis dan golf lebih banyak dimainkan oleh masyarakat Cina dan orang Melayu kelas atasan. Melalui sokongan dan galakan daripada pengetua-pengetua sekolah, lebih banyak sekolah-sekolah di Taiping yang terlibat dalam pertandingan dan kejohanan sukan di peringkat sekolah dan daerah. Lebih banyak aktiviti sukan yang dipertandingkan termasuklah pertandingan lompat jauh, olahraga dan lompat tinggi.⁴³ Ketika di zaman pendudukan Jepun, sukan besbol cuba diperkenalkan di sekolah-sekolah di Perak.⁴⁴ Sekolah King Edward VII misalnya sangat aktif dalam kegiatan sukan seperti olahraga, ragbi dan bola sepak. Pada 10 April 1908, satu kejohanan olahraga telah dijalankan di Sekolah King Edward VII dengan sambutan secara besar-besaran.⁴⁵ Sekolah King Edward VII juga sering mendahului sekolah-sekolah lain di Tanah Melayu dalam kegiatan sukan serta melahirkan ramai ahli sukan terkenal seperti W. H. Toft, E. H. Toft, Chin Ah Ming dan P. C. Lessiar yang mewakili negeri Perak.⁴⁶ Pelbagai pertandingan sukan yang berjaya dimenangi oleh Sekolah King Edward VII termasuklah kemenangan sukan ragbi dalam sukan antara sekolah apabila mengalahkan *Penang Free School* pada tahun 1933. Sekolah King Edward VII juga seringkali menjadi tuan rumah bagi mesyuarat sukan yang melibatkan pelbagai pemegang taruh.⁴⁷

Sehingga tahun 1928, kualiti sukan di sekolah menengah di Perak telah menunjukkan peningkatan dengan lebih ramai atlet Melayu yang menyerlah dalam persada sukan.⁴⁸ Antara pertandingan penting yang menonjolkan perkembangan sukan di Perak ialah menerusi penganjuran *Malayan Athletics Competition*.⁴⁹ Penganjuran pertandingan tersebut memberikan perhatian yang lebih baik terhadap piawaian (*standard*) peraturan sukan serta dirancang dengan lebih tersusun. Selepas Perang Dunia Pertama, kegiatan sukan di Taiping semakin berkembang dengan melibatkan pelbagai golongan dan kelompok masyarakat termasuklah penduduk tempatan, orang Eropah, askar-askar Sepoi dari India dan Burma (*Burma Rifles*) yang berkhidmat dengan pihak British.⁵⁰ Sukan Polo misalnya menjadi perhatian ekoran daripada kehadiran separuh batalion tentera *Burma Rifles* di Taiping bagi memenuhi keperluan ketenteraan di Taiping.⁵¹ Kelompok ini bahkan mengadakan upacara sukan tahunan yang turut dihadiri oleh Residen British.⁵²

Semakin banyak aktiviti sukan yang diadakan di Taiping dan mendapat sambutan yang meriah daripada pelbagai lapisan masyarakat. Sukan air juga turut tidak terkecuali daripada

42 Lynn Hollen Lees, "Being British in Malaya, 1890-1940", *Journal of British Studies*, 2009, Vol. 48, No. 1, hlm. 76-101.

43 *Straits Budget*, "Youthful Athletes", 28 Jun 1928, hlm. 27.

44 Syonan Shimbun, "Sports", 13 September 1942, hlm. 4.

45 Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1983, hlm. 40.

46 Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 108.

47 *The Straits Times*, "Taiping Sports", 14 Jun 1932, hlm. 13.

48 *Straits Budget*, "Youthful Athletes", 28 Jun 1928, hlm. 27.

49 *Malaya Tribune*, "Malayan Athletics", 26 Jun 1928, hlm. 10.

50 Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, hlm. 40. Nadzan Haron menjelaskan bahawa Taiping berperanan penting sebagai bandar garison. Menurutnya, sepanjang pemerintahan British di Tanah Melayu, simbol kepada keselamatan kuasa kolonial di utara Tanah Melayu terletak di Taiping. Lihat Nadzan Haron, "Garison Taiping 1874-1941", *Malaysia dari segi Sejarah*, 1992, Jilid 20, hlm. 38.

51 Philip C. Coote, *Peeps at Many Lands: The Malay States*, hlm. 20.

52 *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, "Burma Rifles", 13 Jun 1935, hlm. 7.

mendapat sambutan di Taiping. Seiring dengan perkembangan sukan tersebut, kedai-kedai yang menjual alatan sukan juga semakin bertambah di Perak, khususnya di Taiping. Satu lagi kelompok yang sangat berpengaruh dalam perkembangan kegiatan sukan di Taiping ialah *Malay State Guides*.⁵³ Para pelajar Sekolah King Edward VII yang aktif dalam sukan hoki turut mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada *Malay States Guides* yang terdiri daripada orang India yang sudah terkenal dengan kehebatan mereka dalam pertandingan hoki.⁵⁴ Sokongan dan latihan yang diberikan telah membolehkan Taiping mendahului bandar-bandar lain dalam sukan hoki terutamanya apabila ia mula dipertandingkan antara kelab-kelab di Taiping iaitu sejak awal abad ke-20.

Sukan berkuda seperti lumba kuda antara yang mendapat perhatian pada ketika itu. Mesyuarat yang mempertemukan pelumba-pelumba kuda berlangsung dua kali setiap tahun di Singapura, Seremban, Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang. *Perak Turf Club*, Taiping pertama kali ditubuhkan di Perak pada tahun 1885 menerusi inisiatif Frank Swettenham dan Lt. Kolonel R. S. F. Walker yang menyokong dan menggalakkan aktiviti sukan berkuda. Lokasi lumba kuda terawal yang terletak di Larut Tin merupakan tanah pemberian kerajaan Perak.⁵⁵ Sejarah penubuhan *Perak Turf Club* tidak dapat lari daripada Gymkhana kerana kedua-duanya bersama-sama dalam menguruskan aktiviti lumba kuda tersebut. Kelab lumba kuda tersebut turut berkolaborasi dengan kelab kuda yang lain seperti *Strait Racing Association*, *Singapore Comprises*, *Singapore Sporting Club*, *Pinang Turf Club*, *Kinta Gymkhana Club*, *Selangor Turf Club* dan *Seremban Gymkhana Club*.⁵⁶

Lokasi lumba kuda terawal ialah di *Waterfall Road* yang berdekatan Taman Tasik atau *Lake Gardens* sehingga pada tahun 1934 apabila ia mula berpindah ke Ipoh sekaligus mengurangkan pengaruh Taiping sebagai lokasi pertama aktiviti sukan tersebut. Sukan lumba kuda tersebut menarik perhatian pelbagai lapisan masyarakat khususnya ketika berlangsungnya pertandingan. Pada ketika itu, orang Eropah, Melayu, Cina, Tamil, Sikh dan ramai lagi akan berkumpul bagi menyaksikan pertandingan sukan lumba kuda.⁵⁷ Pertandingan tersebut juga biasanya diadakan pada awal tahun bagi menyambut ketibaan tahun baru.⁵⁸ Setiap kali berlangsungnya pertandingan perlumbaan kuda, masyarakat tempatan akan memenuhi seluruh bandar Taiping bagi meraikan sukan tersebut selain ia menjadi waktu dan lokasi terbaik untuk mereka saling bersosial.⁵⁹ Kaum wanita juga tidak terkecuali daripada terlibat dalam aktiviti sukan seperti bola jaring dan sukan renang. Misalnya telah berlangsung pertandingan bola jaring di peringkat utara yang melibatkan sekolah-sekolah perempuan pada 26 Jun 1954.⁶⁰

53 Lihat Abdul Karim Badoo, "The Origin and Development of the Malay States Guides", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 1962, Vol. 35, No. 1, hlm. 51-94.

54 Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 108.

55 Perak Turf Club Taiping kemudiannya menjadi Taiping Turf Club pada tahun 1922. Lihat *Taiping's Many Firsts Report*, hlm. 155.

56 *Ibid.*

57 Philip C. Coote, *Peeps at Many Lands: The Malay States*, hlm. 19-20.

58 *Straits Times Weekly Issue*, "Perak", 20 Disember 1892, hlm. 4.

59 Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 110.

60 *Singapore Standard*, "Netball for North Perak Schoolgirls", 18 Jun 1954. Lihat juga *Syonan Shimbun*, "Sports", 13 September 1942, hlm. 4.

Kesimpulan

Di peringkat awal pengenalan sukan-sukan moden di Taiping, ia lebih didominasi oleh golongan pegawai kolonial British, ahli keluarga mereka dan orang-orang Eropah yang menjadi penduduk di Tanah Melayu. Pelbagai jenis kemudahan telah disediakan bagi memenuhi keperluan dan kebajikan golongan tersebut yang kemudiannya telah dipertikaikan oleh pegawai-pegawai kelas bawahan dan orang tempatan yang melihat sikap British tersebut sebagai “*double-standard*” dan mengabaikan hak dan kepentingan orang tempatan sendiri. Perkembangan ini turut menonjol dalam penubuhan kelab-kelab sukan dan sosial yang lebih memberikan keutamaan atau mengahadkan keahlian kepada pegawai-pegawai kolonial sahaja.

Meskipun penubuhan *New Club* dan kelab-kelab sukan yang lain kurang menarik penyertaan masyarakat tempatan kelas bawahan, namun penubuhan pelbagai kelab sukan tersebut telah mendorong dan membuka ruang kepada perkembangan kegiatan sukan di Perak, khususnya di Taiping. Menerusi kewujudan kelab-kelab sukan tersebut, pelbagai liga dan pertandingan sukan yang diadakan serta mendapat perhatian penduduk tempatan. Pendedahan ini kemudiannya berkembang hingga ke peringkat sekolah-sekolah menerusi penganjuran pertandingan sukan di peringkat sekolah, daerah dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Galakan dan sokongan yang diberikan oleh pengetua sekolah dalam kegiatan sukan telah menghasilkan lebih ramai atlet sukan yang berpotensi tinggi dan berbakat dalam kalangan masyarakat tempatan. Sekolah King Edward VII misalnya menjadi antara sekolah terunggul di Taiping dalam kegiatan sukan menerusi kelahiran atlet-atlet sukan yang seringkali memenangi pertandingan di peringkat daerah dan negeri. Keadaan ini ditambah lagi dengan peranan Taiping sebagai bandar garison yang menjadi tumpuan kepada ramai askar-askar daripada luar khususnya dari India seperti *Burma Rifles* dan *Malay States Guide*. Kehadiran askar-askar sepoi dari India yang mahir dalam sukan seperti hoki dan kriket telah menggalakkan lagi perkembangan sukan di Taiping menerusi tunjuk ajar yang diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah.

Perkembangan sukan di Taiping telah banyak mengubah persepsi masyarakat tempatan yang dahulunya beranggapan sukan rakyat hanya sekadar untuk mengeratkan hubungan persahabatan antara penduduk kampung, hiburan dan kegiatan di masa lapang. Pada peringkat seterusnya ini, mereka tidak hanya terlibat dalam kegiatan sukan sekadar untuk berhibur namun mereka dididik dengan tanggapan bahawa sukan sebagai satu bentuk aktiviti yang dapat memberikan nilai tambah dalam kehidupan menerusi pengiktirafan terhadap bakat dan kebolehan seseorang atlet, disiplin diri yang tinggi bagi menjadi seorang atlet yang mahir dalam sukan tertentu serta mendapat pelbagai bentuk hadiah dan sijil yang dapat memberi nilai “*self-worth*” kepada diri seseorang yang memiliki bakat semulajadi dalam sukan tertentu.

Jelasnya, kewujudan *New Club* sebagai pusat sukan terawal ditubuhkan di Taiping telah menjadi perintis kepada lebih banyak pembukaan kelab-kelab sukan yang lain serta dorongan aktiviti bersukan dalam pelbagai lapisan masyarakat yang berkembang hingga ke peringkat sekolah-sekolah. Meskipun *New Club* ditubuhkan lebih kemudian daripada *Perak Club* kerana perbezaan yang wujud antara ahli kelab, namun sambutan ulang tahun penubuhan *New Club* yang diadakan pada tahun 1985 tetap mengiktiraf *Perak Club* sebagai sebahagian daripada sejarah *New Club*.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada staf dan kakitangan Perpustakaan Penyelidikan Muzium Perak (Taiping) khususnya Puan Aida Rosna (pustakawan) kerana membantu penulis ketika menjalankan penyelidikan.

Bibliografi

Sumber Primer Akhbar

Malaya Tribune
Syonan Shimbun
Straits Times Weekly Issue
Straits Budget
Singapore Standard
The Straits Times
The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser

Lain-lain

New Club Taiping 1892: A Preliminary Dilapidation Report and Concept Proposals.
Taiping's Many Firsts Report, Taiping: Taiping Municipal Council, 2010.

Sumber Sekunder

Anderson, E., *Sport, Theory and Social Problems: A Critical Introduction*, New York: Routledge, 2010.
Abdul Karim Bagoos, "The Origin and Development of the Malay States Guides", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 1962, Vol. 35, No. 1.
Abd. Rahman Ismail, *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
Bloom, J., dan Willard, M. N. (Eds.), *Sports Matters: Race, Recreation and Culture*, New York: New York University Press, 2002.
Crego, R., *Sports and Games of the 18th and 19th Centuries*, Westport, Connecticut: Greenwood Press, 2003.
Coote, P. C., *Peeps at Many Lands: The Malay States*, London: A & C Black, Ltd., 1923.
Dussek, O. T., "Notes on Malay Indoor Games", *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Royal Asiatic Society, Malayan Branch, 1919.
Guttman, A., *From Ritual to Record: The Nature of Modern Sports*, New York: Columbia University Press, 1978.

- Harrison, C. W. (Ed.), *The Illustrated Guide to the Federated Malay States*, London: The Malay States Information Agency, 1911.
- Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1983.
- Khoo Kay Kim, “Sejarah Pembentukan Masyarakat Majmuk di Taiping”, *Seminar Sejarah Larut, Matang dan Selama ke Arah ‘Taiping Bandar Bersejarah’*, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Larut Matang dan Selama dengan kerjasama Pejabat Orang Besar Jajahan, Larut, Matang dan Selama, Taiping, 19-20 November 1990.
- Lim Peng Han dan Mohd Salleh Aman, “The Diffusion and Transmission of Football in the Straits Settlements and Malay States, 1874–1899: Early Inter-Settlement Games and Inter-State Competition Among European Clubs and Teams”, *The International Journal of the History of Sport*, 2018, Vol. 35, Isu 12-13.
- Lees, L. H., “Being British in Malaya, 1890-1940”, *Journal of British Studies*, 2009, Vol. 48, No. 1.
- Mandell, R., *Sport: A Cultural History*, New York: Columbia University Press, 1984.
- Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- Norizan Kadir, “Sejarah, Kesan dan Kepentingan Laluan Kereta Api Taiping ke Port Weld, 1882 hingga 2010”, Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Tanjong Malim: Jabatan Sejarah dan Arkeologi, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.
- Nordin Hussin, “Larut Matang dan Selama Suatu Sorotan Sejarah”, *Seminar Sejarah Larut, Matang dan Selama ke Arah ‘Taiping Bandar Bersejarah’*, Taiping : Muzium Taiping, 1990.
- Nadzan Haron, “Garison Taiping 1874-1941”, *Malaysia dari segi Sejarah*, 1992, Jilid 20. *The New Club Taiping*, https://www.taiping.my/places/taiping/attractions/the-new-club-taiping/#post_content, diakses pada 10 Oktober 2022.
- Wright, A., dan Cartwright, H. A. (eds.), *Twentieth Century Impressions of British Malaya: Its History, People, Commerce, Industries and Resources*, Lloyd’s Greater Britain Publishing Co. Ltd, 1908.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof, “Pertumbuhan Budaya Popular Masyarakat Melayu Bandaran Sebelum Perang Dunia Kedua” dalam Mohd Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff, (peny.), *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Zilcosky, J., “Introduction: The Allure of Sports” dalam John Zilcosky dan Marlo A. Burks, *The Allure of Sports in Western Culture*, Toronto: University of Toronto Press, 2019.